



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama [Galeri Aktiviti](#) [Akhbar](#) [Bernama - Obligasi Pembayaran Faedah Pembiayaan SRC International Akan Dipatuhi - Lim](#)

🕒 Rabu, Okt 02 2019



KUALA LUMPUR, 2 Okt -- Kementerian Kewangan akan membayar faedah pembiayaan seterusnya syarikat SRC International Sdn Bhd (SRC) berjumlah RM37.81 juta kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) pada 28 Feb 2020.

Menterinya Lim Guan Eng berkata pada 1 Okt lepas Kementerian itu telahpun membuat pembayaran faedah sebanyak RM43.02 juta kepada KWAP.

Setakat ini, katanya, jumlah pembayaran balik yang telah dibuat bagi pihak SRC kepada KWAP adalah sebanyak RM1.73 bilion.

"Kementerian akan memastikan peruntukan secukupnya disediakan bagi menyelesaikan pembiayaan berkenaan berdasarkan jadual pembayaran balik yang telah ditetapkan ke arah kelangsungan dana persaraan penjawat awam," kata Lim.

SRC merupakan anak syarikat 1Malaysia Development Bhd (1MDB) sebelum ia diambil alih oleh Kementerian Kewangan pada 2012.

Syarikat itu meminjam sebanyak RM4 bilion daripada KWAP dengan jaminan yang ditanggung dan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan.

Daripada dana RM4 bilion yang dipinjam, RM3.6 bilion (US\$1.1 bilion) dipindahkan melalui beberapa anak syarikat luar pesisir kepada beberapa entiti dan bank di luar negara.

Ia termasuk BSI Bank di Switzerland berjumlah lebih US\$800 juta, Bank Julius Baer & Co. Ltd di Hong Kong (US\$250 juta) dan syarikat eksplorasi arang batu di Mongolia (US\$60 juta).

Lim berkata kerajaan sedang mengambil langkah sewajarnya untuk mengembalikan seberapa banyak dana RM4 bilion tersebut.

Menurutnya, SRC mengalami situasi kewangan yang kritikal sejak 2015, sehingga menyebabkan ia tidak dapat memenuhi obligasi pembayaran pembiayaan dengan KWAP.

"Perkara ini telah disembunyikan oleh pentadbiran lama dan hanya didedahkan selepas Kerajaan Persekutuan bertukar pada 9 Mei 2018.

"Kerajaan baharu akan memastikan bahawa salah laku yang menyebabkan kerugian besar kepada kerajaan dan rakyat tidak berulang lagi," tegasnya.

-- BERNAMA



Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro

e-Penyertaan & Maklumbalas

Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **14 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**